

Stuer 19/6/2011 58.

Muzium Tekstil peraga warisan

Berkembang pesat dengan nilai eksport RM10.6b, ketujuh dalam sektor perkilangan

SUSUNAN: SUHARNE ZAINUDIN

Pertumbuhan industri tekstil dan pakaian Malaysia berkembang dengan pesat pada awal 1970-an apabila negara memulakan langkah perindustrian berorientasikan eksport.

Industri ini muncul sebagai penyumbang ketujuh terbesar kepada keseluruhan pendapatan eksport perkilangan pada 2006 dengan nilai eksport sebanyak RM10.6 bilion.

Terdapat 645 syarikat berlesen beroperasi dengan pelaburan sebanyak RM8.1 bilion. Menerusi industri ini, ia berjaya mengupah lebih 68,000 pekerja.



Industri tekstil ketika ini melibatkan rangkaian meluas aktiviti bersepadu dari pemolimeran, pemintalan, penteksturan, pencelupan dan kemasan benang untuk menenun serta kait-mengait, mencelup, mengecap dan kemasan fabrik sehingga membuat pakaian dan barang-

barang buatan tekstil lain seperti permaidani, cadar katil dan alas meja serta tali.

Industri ini merangkumi pembuatan fabrik bukan tenun untuk produk penjagaan diri, pakaian, perabot dan cadar serta aplikasi pembinaan dan kejuruteraan.



Tenun songket

SEBAGAI menunjukkan tekstil merupakan sumber yang turut menyumbang kepada industri negara, kerajaan telah membangunkan kompleks muzium khas bagi mempamerkan pelbagai aktiviti dan proses melibatkan penghasilan tekstil.

Muzium Tekstil Negara terletak di Bangunan JKR, Jalan Sultan Hishamuddin, Kuala Lumpur. Ia terletak di tengah-tengah antara Bangunan Dayabumi dan bangunan Sultan Abdul Samad.

Muzium ini merupakan sebuah bangunan warisan yang pernah digunakan oleh pelbagai jabatan dan institusi sebelum ini kerajaan.

Bangunan ini siap dibina pada tahun 1896 berketinggian dua tingkat setengah dengan keluasan tanah 3259 meter persegi dan keluasan lantai 3145.3 meter persegi.

Muzium Tekstil

Negara dibuka secara rasmi pada Januari 2010 dan menempatkan koleksi, sejarah asal-usul dan lain-lain perkara yang melibatkan tekstil di negara kita.

Muzium ini terbahagi kepada beberapa galeri utama seperti Galeri Pelangi, Galeri Pohon Budi, Galeri Ratna Sari dan Galeri Teluk Berantai.



Star 19/6/2011 # 59.

Enam teras strategik Senarai aktiviti dan produk digalakkan

Sepanjang tempoh IMP3, enam teras strategik ditetapkan untuk meningkatkan pembangunan industri termasuk:

1. Mengintensifkan promosi pelaburan dalam tekstil dan pakaian bernilai tambah lebih tinggi termasuk perkhidmatan sokongan utama.
2. Memapankan bahagian pasaran tekstil dan pakaian dan mempromosikan eksport bidang-bidang pertumbuhan disasarkan.
3. Mengintensifkan integrasi serantau industri berkenaan.
4. Meningkatkan keupayaan tempatan dan memudah cara penggunaan ICT dan teknologi baharu.
5. Meningkatkan kemahiran pekerja dalam rekaan, pengeluaran dan pemasaran.
6. Mengukuhkan sokongan institusi untuk meningkatkan pembangunan industri.

Bagi menggalakkan pelaburan dalam industri tekstil dan pakaian, beberapa produk dan aktiviti tekstil diwartakan sebagai digalakkan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986. Menerusinya, ia layak dipertimbangkan untuk insentif cukai dalam bentuk Taraf Perintis atau Elaun Cukai Pelaburan merangkumi:

1. Gentian asli atau buatan manusia.
2. Benang gentian asli atau buatan manusia.
3. Fabrik tenun.
4. Fabrik berkait terkemas.
5. Kemasan fabrik seperti pelunturan, pencelupan dan pengecapan.
6. Pakaian berkait.
7. Pakaian ski atau pakaian luar musim sejuk.
8. Produk bukan tenun.
9. Jaringan-jaringan elastik.
10. Pembuluh alur tekstil.



Batik adalah produk tekstil popular keluaran Malaysia kerana sentiasa menjadi pilihan pelancong dari Eropah.

Sasar pelaburan RM13.4b



Kini, kumpulan industri tekstil dan pakaian Malaysia berpotensi untuk menjadi satu *kluster* industri maju. Ini boleh dicapai dengan beranjak kepada peringkat lebih tinggi dalam rantai nilai selain membangunkan rekaan fesyen tempatan yang inovatif dan berjenama.

Produk industri ini dibangunkan melalui penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam bidang pencelupan, pengecapan dan kemasan, memajukan gentian, benang dan tekstil perindustrian, menambah baik produktiviti melalui automasi, pembuatan anjal dan kecekapan teknikal serta pembangunan rangkaian pengedaran

dan pemasaran di seluruh dunia yang efisien, dan mengukuhkan rangkaian menyeluruh.

Beberapa bidang pertumbuhan baharu dalam industri tekstil disasarkan untuk dipromosikan di bawah Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3), termasuk tekstil perindustrian dan rumah, tekstil berfungsi, fabrik dan pakaian lebih mewah, fabrik etnik dan kemudahan sokongan utama dan perkhidmatan.

Berikutan itu, sasaran pelaburan untuk industri ini bagi tempoh pelan, sebanyak RM13.4 bilion.



Muzium Tekstil Negara berdiri megah di tengah ibu kota bandaraya Kuala Lumpur.



Plat blok yang digunakan bagi menghasilkan batik blok.



Pakaian etnik dipamerkan di ruang pameran muzium.



Kain songket berasal dari Terengganu antara tekstil keluaran tempatan yang mendapat sambutan tinggi dari negara luar.